

PENGARUH FAKTOR SITUASI KELUARGA TERHADAP PENGHARGAAN KENDIRI PELAJAR BERMASALAH DI PANTAI TIMUR SABAH

NURUL HUDANI MD. NAWI, MA'ROF REDZUAN
& HANINA H. HAMSAN

ABSTRAK

Tujuan kajian adalah untuk mengkaji kesan pengaruh faktor situasi keluarga (kawalan, keprihatinan sosial, konflik keluarga) ke atas penghargaan sendiri pelajar bermasalah di sekolah sekitar kawasan pedalaman di Pantai Timur Sabah. Seramai 494 orang pelajar terlibat sebagai responden dalam kajian ini ($n_{\text{lelaki}} = 349$; $n_{\text{perempuan}} = 145$). Terdapat tiga bahagian soal selidik yang digunakan dalam kajian ini iaitu Bahagian A : Demografi subjek, Bahagian B : Alat kajian Beck Codependence Assessment Scale (BCAS) digunakan untuk mengukur kebergantungan pelajar dan Bahagian C : Rosenberg Self-Esteem (RSE) untuk pengukuran penghargaan sendiri. Perisian SPSS Version 15.00 digunakan untuk menganalisis data, deskriptif dan inferensi seperti regresi pelbagai untuk menguji hipotesis. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap penghargaan sendiri yang sederhana (69.2%), ($M = 1.293$; $SD = .455$). Analisis regresi menunjukkan hanya dua pemboleh ubah faktor situasi keluarga iaitu keprihatinan sosial dan konflik keluarga menyumbang kepada penghargaan sendiri pelajar yang dikaji. Sub skala keprihatinan sosial menjelaskan 10.9 % varians dalam penghargaan sendiri dengan sumbangan yang positif ($Beta = .195$), ($t = 3.747, k < 0.05$) ke atas penghargaan sendiri. Manakala konflik keluarga menjelaskan sebanyak 7.3 % varians terhadap penghargaan sendiri ($Beta = -.269$), ($t = 5.210, k < 0.05$). Dapatan ini merumuskan bahawa subjek yang mempunyai keluarga yang prihatin cenderung untuk mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi dan sebaliknya. Manakala kesan negatif pemboleh ubah konflik keluarga ke atas penghargaan sendiri menjelaskan semakin ketara lagi konflik keluarga yang berlaku dalam keluarga maka semakin rendah penghargaan sendiri dan begitu juga sebaliknya. Ini menunjukkan pelajar-pelajar yang bermasalah ini perlu diberi perhatian yang lebih serius oleh pihak sekolah terutama dengan menyediakan khidmat bimbingan dan kaunseling supaya mereka mempunyai peluang yang sama dengan pelajar lain.

Kata Kunci: Faktor Situasi Keluarga, Penghargaan Kendiri, Pelajar Bermasalah

ABSTRACT

The study aims is to examine the effect of family situational factor (control, social concern, and family conflict) on self-esteem among the problematic students in local secondary school around eastern coast in Sabah. There are 494 problematic students involved in this study ($N=349_{\text{males}}$; $N=145_{\text{females}}$). There are three section in the questionnaire namely Section A: Respondent Demographic, Section B: The research tool that been used is Beck Codependence Assessment Scale (BCAS to measure co-dependence family situational factor while Section C: Rosenberg Self-Esteem Scale (RSE) were used to measure self-esteem level. SPSS for windows 15.00 version was used to analyze the data, descriptive and inferential statistics to present the result such as multiple regressions in order to analyze the hypotheses. The findings showed that majority of student respondents experienced moderate level of self-esteem (69.2 %), ($M=1.293$; $SD=0.455$). Regression analysis showed that only two sub-scales of family situational factor (social concern and family conflict) contributed on self –esteem. Result also indicated that there was a significant predictor of family situational factor (social concern) in which explained 10.9% of the variance (R Square) ($Beta = .195$), ($t= 3.747$, $k<0.05$) in producing self-esteem. Whereby for the sub scales of family conflict explained 7.3% of the variance (R Square) in producing self-esteem which is significant as showed by ($Beta= -.269$), ($t=5.210$, $k<0.05$). This result indicated that respondent which having a full concern from family members prefer to have a high level of self-esteem. Whereas more conflict happened in the family, its bring a low level of self-esteem among subjects. These showed that problematic students should be given more attention so that they were having same opportunity with the normal students by providing special guidance and counseling to them.

Keywords: Family Situation, Self-Esteem, Problematic Student

PENGENALAN

Penghargaan sendiri merupakan sebahagian penting daripada konsep sendiri. Ia dilihat sebagai suatu elemen penting di mana setiap individu memerlukan penghargaan sendiri tanpa mengira faktor umur, jantina, latar belakang budaya atau pekerjaan (Rosernberg, 1965). Keperluan semula jadi ini merujuk kepada perasaan ingin dihormati, disanjung dan dipuji terutama dalam kalangan pelajar sekolah menengah (atau dalam peringkat perkembangan, di mana mereka dikenali sebagai golongan remaja) dan kelompok ini berada dalam fasa ‘pencarian identiti’. Oleh itu, golongan remaja dilihat sebagai satu kelompok individu yang perlu diberi perhatian lebih dalam pembentukan penghargaan sendiri dalam diri mereka. Menurut Coopersmith (1967) terdapat tiga perkara asas untuk meningkatkan pembentukan

penghargaan sendiri di kalangan para pelajar iaitu penerimaan keluarga terhadap anak, penghargaan yang diberikan terhadap setiap tindakan yang berlaku sekiranya dalam nilai yang dibenarkan, dan penjelasan terhadap batasan setiap tingkah laku yang tidak dibenarkan.

Selaras dengan wawasan negara untuk melahirkan modal insan yang proaktif maka beberapa faktor harus diperhalusi sebaik mungkin seperti faktor keluarga dalam menyemai penghargaan sendiri yang positif. Ini kerana keluarga merupakan unit terkecil untuk membentuk masyarakat harmoni dan telah dianggap sebagai agen terpenting dalam perkembangan konsep sendiri individu sejak zaman kanak-kanak lagi (Gecas & Schwalbe, 1986). Ia juga merupakan tempat mula bercambahnya pembentukan perasaan sendiri melalui hubungan komunikasi yang mesra di antara keluarga dengan anak. Sikap keluarga terhadap golongan ini harus dapat digambarkan dalam bentuk tingkah laku yang mudah difahami supaya mereka merasakan dihargai. Ia meliputi penilaian dan penghargaan yang tinggi terhadap keterlibatan anak-anak dalam aktiviti yang dianggotai oleh mereka dengan memberi bantuan dan sokongan, mesra dan rasa hormat serta menaruh minat dalam aktiviti tersebut. Kesemua ini akan mempengaruhi penghargaan sendiri kanak-kanak dan remaja (Gecas et al., 1986). Oleh itu, peranan keluarga amat besar dalam menentukan penghargaan sendiri individu.

Faktor situasi keluarga dalam kajian ini terdiri daripada tiga kategori iaitu konflik, kawalan dan keprihatinan sosial yang dianggap sebagai elemen penting terhadap pembentukan penghargaan sendiri di kalangan para pelajar terutama mereka yang mempunyai masalah di sekolah (Beck, 1991). Responden merupakan pelajar yang dikenal pasti telah melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Malaysia, seperti negara-negara lain di dunia, cuba mengurangi sekali gus membanteras isu ini. Kecelaruhan persekitaran rumah tangga, ketidakberkesanan gaya keibubapaan dan kurangnya hubungan dua hala serta didikan antara ibu bapa dan anak adalah faktor penting kewujudan tingkah laku disiplin di kalangan pelajar di sekolah (Arbona & Power, 2003). Sering kali remaja yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah, kurang strategi daya tindak menangani masalah, rasa tidak dihargai ibu bapa dan rakan sebaya serta kurang berkemampuan dari segi kewangan akan mendedahkan diri kepada gerbang gejala sosial. Tingkah laku ini pastinya akan mengganggu kefungsi sosial, persekolahan dan personal pelajar tersebut di mana simptom seperti penurunan gred markah, perubahan penampilan diri, mengantuk dan tidur di dalam bilik darjah, lembap dan ponteng sekolah

berlaku (Badruzaman Baharom,2006). Seterusnya mengakibatkan impak negatif daripada perlakuan tersebut.

Kepentingan dalam mengkaji penghargaan sendiri dan persepsi sendiri ditekan kerana penilaian sendiri dapat membawa kesan yang penting dalam kesejahteraan hidup seseorang individu seperti yang disarankan oleh Hobbes dalam petikan Rosenberg (Leahy, 1985), yang mengatakan bahawa kegembiraan yang paling besar dalam jiwa seseorang manusia ialah memiliki pandangan yang tinggi terhadap diri sendiri. Sementara itu, persepsi sendiri pula menunjukkan keyakinan sendiri yang ada pada diri seseorang individu yang akan memainkan peranan dalam menentukan kejayaan atau kegagalan hidup individu tersebut. Meski pun penghargaan sendiri telah dikaji lebih dari 100 tahun, para penyelidik masih membahaskan tentang sejauh mana kepentingan penghargaan sendiri dan ketepatannya. Walau bagaimana pun, secara umum mereka bersetuju bahawa ibu bapa dan orang dewasa lain yang penting kepada pelajar memainkan peranan utama dalam mengukuhkan asas penghargaan sendiri dalam diri mereka.

Penghargaan sendiri yang baik amat penting memandangkan penghargaan sendiri membolehkan pelajar berasa megah dan bangga dengan pencapaian dan kebolehan mereka. Penghargaan sendiri membolehkan mereka menghormati diri sendiri walaupun ketika mereka melakukan kesalahan. Ini menyebabkan mereka menghormati diri sendiri dan kesannya kawan-kawan lain juga akan menghormati diri mereka. Persoalannya adakah perkara yang sama berlaku kepada pelajar yang mempunyai masalah disiplin tentang kepentingan memiliki penghargaan sendiri. Kesedaran tentang pentingnya konsep sendiri yang melibatkan penghargaan sendiri di kalangan remaja mungkin berbeza antara remaja yang lain. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor yang dominan dalam diri dan juga keluarga. Antara faktor yang dikenal pasti sebagai pendorong utama remaja mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi ialah faktor keluarga. Keluarga merupakan satu institusi yang banyak memainkan peranan dalam mewujudkan penghargaan sendiri dalam diri anak-anak (Azizi Yahaya et al. 2005). Justeru, kajian ini dirangka untuk menentukan kewujudan pengaruh bagi faktor situasi keluarga (kawalan, keprihatinan sosial, konflik) terhadap penghargaan sendiri di kalangan pelajar bermasalah sekolah di negeri Sabah berdasarkan persoalan berikut:

1. Apakah tahap penghargaan sendiri bagi subjek lelaki dan perempuan dalam kalangan pelajar bermasalah ?.

2. Adakah wujud pengaruh bagi faktor situasi keluarga (kawalan, keprihatinan sosial, konflik) dengan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar bermasalah?.
3. Adakah wujud perbezaan bagi penghargaan sendiri berdasarkan pendapatan ibu bapa? . dalam kalangan pelajar bermasalah.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan umum kajian ini adalah untuk mengkaji faktor situasi keluarga dengan penghargaan sendiri pelajar bermasalah di kawasan pedalaman pantai timur di Sabah. Secara khususnya, kajian ini bertujuan:

1. Mengetahui tahap penghargaan sendiri antara lelaki dan perempuan dalam kalangan pelajar bermasalah.
2. Mengetahui pengaruh bagi faktor situasi keluarga (kawalan, keprihatinan sosial, konflik keluarga) ke atas penghargaan sendiri pelajar bermasalah.
3. Menentukan perbezaan bagi penghargaan sendiri berdasarkan pendapatan ibu bapa dalam kalangan pelajar bermasalah.

DEFINISI KONSEP

Faktor Situasi Keluarga

Faktor situasi keluarga merujuk kepada kebergantungan seseorang individu terhadap orang yang signifikan dalam hidup mereka yang melibatkan tiga bahagian, iaitu: (1) konflik, (2) kawalan dan (3) keprihatinan sosial. Bagi pemboleh ubah konflik, terdapat tiga bentuk konflik keluarga iaitu intensiti, kompleksiti dan jangka masa perhubungan. Intensiti diandaikan sebagai satu konflik besar yang berlaku dalam keluarga dan memerlukan jalan penyelesaian yang sukar (Cupach, Daniel, Sam Vuchinich & Susan, 2003). Pada awalnya hubungan antara komuniti keluarga sangat rapat, terutama dari segi emosi (Bowlby, 1982). Ikatan antara pasangan adik beradik, ibu bapa dengan anak-anak yang melibatkan pergantungan, kasih sayang dan komitmen. Tetapi apabila masalah besar timbul dalam perhubungan, emosi yang positif akan berubah menjadi emosi yang negatif. Sebagai contoh, berlaku pengkhianatan perhubungan seperti hubungan luar nikah atau penderaan seksual kanak-kanak yang boleh menimbulkan kebencian yang sebelumnya dipenuhi dengan perasaan kasih sayang. Konflik keluarga ini adalah sangat serius berbanding

konflik yang melibatkan pihak yang lain (Cupach et al., 2008). Bentuk yang kedua adalah kompleksiti. Ia merujuk kepada kepentingan untuk memahami sesuatu karakter yang membingungkan dan mengelirukan. Sebagai contoh, kaitan kompleksiti dalam hubungan kekeluargaan ialah ambivalens yang mana seseorang ingin disayangi tetapi dalam masa yang sama membuat perkara yang menyebabkan ia dibenci. Maka berlaku lingkaran hubungan keluarga seperti dimensi kasih sayang, penghormatan, perhubungan, kebencian, rasa geram, cemburu, persaingan, dan rasa tidak setuju. Dimensi tersebut hadir dalam pelbagai hubungan kekeluargaan dan ia akan menjadi masalah sekiranya ibu bapa tidak menunjukkan ikatan yang sama rata (Cupach et al., 2008). Manakala bentuk yang ketiga ialah konflik keluarga yang di sebabkan tempoh masa perhubungan iaitu tempoh masa sesuatu konflik, dan kesan jangka masa panjang corak disfungsi konflik. Sebagai contoh, hubungan kekeluargaan sepanjang hayat (White, 2001), di mana ibu bapa dan anak-anak akan tetap menjadi ibu bapa dan anak-anak sampai bila-bila tanpa ada sempadan masa. Tetapi apabila konflik hubungan ini berlaku dalam keluarga ia akan berterusan dalam tempoh masa yang lama. Apabila peningkatan kemudahan daripada konflik tersebut berlaku menyebabkan seseorang dari keluarga akan melepaskan diri dari konflik tersebut seperti keluar jauh dari rumah, penceraian atau berlakunya kerenggangan keluarga. Konflik ini boleh berlaku dalam keluarga disebabkan peningkatan umur kanak-kanak ke tahap remaja manakala bagi ibu bapa pula berlaku peningkatan umur ke tahap pertengahan sehingga mengubah hubungan baik antara ibu bapa dan anak disebabkan perubahan masa (Cupach et al., 2008).

Menurut Mahmood Nazar (1990), konflik dan tekanan psikologikal yang berlaku dalam kalangan pelajar menyebabkan berlakunya tingkah laku devian dalam sesebuah keluarga. Kebanyakan mereka yang bermasalah adalah berlatar belakang keluarga yang bermasalah (Trzesniewski, 2006). Di antara faktor psikologi yang menyumbang kepada tingkah laku ini ialah apabila wujudnya emosi yang tidak gembira hasil faktor persekitaran seperti hubungan kekeluargaan yang longgar, keluarga berpecah dan kurang perhatian daripada keluarga atau ibu bapa (Steinberg, 2001). Konflik dalam keluarga juga boleh menjadi faktor penyebab ketidakstabilan emosi yang membawa kepada tingkah laku devian dan delinkuen. Emosi yang tidak stabil seperti marah, geram, tertekan dan dendam akan mendorong pelajar untuk melepaskan geram dengan melakukan pelbagai tingkah laku devian dan delinkuen, dengan tujuan melepaskan geram, tertekan dan dendam akan mendorong pelajar untuk melepaskan rasa tertekan (Azizi Yahaya et al., 2007). Konflik ini dikenal pasti sebagai satu faktor meletakkan anak-anak dalam keadaan emosional dan masalah tingkah laku (O'Connor, 2002; Laible, Carlo, & Raffaelli, 2000).

Seterusnya, faktor situasi keluarga bagi pemboleh ubah kawalan pula terdiri daripada dua bentuk iaitu mengawal dari segi tingkah laku dan psikologi (Barber, Olsen & Shagle, 1994). Mengawal tingkah laku merujuk kepada ibu bapa yang mementingkan aktiviti anak-anak, kegiatan kumpulan anak-anak dan perkara yang dilakukan semasa di sekolah yang mana ibu bapa membimbing dan menyelia segala tingkah laku anak-anak (Jamaludin Ramli & Yusof Boon, 2007). Ketiadaan penjelasan terhadap kawalan tingkah laku juga adalah berhubungan dengan masalah tingkah laku remaja disebabkan kurangnya keperluan piawai untuk membezakan antara tingkah laku yang boleh diterima oleh masyarakat dan tingkah laku yang tidak boleh diterima masyarakat. Hal ini menyebabkan timbulnya masalah dalam remaja seperti bersikap agresif dan delikueni (Reitz, 2006). Manakala kawalan psikologi pula merujuk kepada campur tangan ibu bapa dari segi psikologikal dan emosi anak-anak (Barber et al, 1994). Campur tangan tersebut dijelaskan menerusi ibu bapa yang menggunakan kesalahan dan memanipulasikan emosi dalam mengawal tingkah laku anak-anak. Kewujudan kawalan psikologi yang ditunjukkan oleh kedua ibu bapa terhadap anak-anak adalah dikaitkan dengan kebangkitan tingkah laku bermasalah, manakala ketiadaan kawalan tingkah laku menyebabkan anak-anak bertingkah laku bermasalah. Keadaan kawalan psikologi ibu bapa tersebut menyebabkan anak-anak mengalami masalah dalam hubungan sosial yang rendah disebabkan tahap penghargaan sendiri rendah hadir dalam diri anak-anak. Akhir sekali, faktor situasi keluarga yang ketiga iaitu keprihatinan merujuk kepada keprihatinan ibu-bapa dalam perkembangan semasa anak-anak. Keprihatinan yang diberikan mampu membendung anak-anak dari anasir-anasir gejala sosial dan hasilnya hubungan kekeluargaan yang kian rapuh dapat dikukuhkan dengan adanya keprihatinan sosial yang ditunjukkan.

Penghargaan sendiri

Penghargaan sendiri merupakan satu konstruk sosio-psikologi yang menaksir sikap seseorang individu dan mempersepsi nilai sendiri. Ia juga merupakan orientasi positif dan negatif terhadap individu dan merupakan suatu penilaian keseluruhan terhadap taksiran dan nilai diri. Individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi akan memberi penilaian yang tinggi terhadap dirinya, mengamati dirinya sebagai bernilai, mempunyai potensi dan harga diri, berkebolehan, berkualiti, merasa penting, berkeyakinan dan mempunyai personaliti murni (Coopersmith, 1981; Rosenberg, 1965). Rogers (1981) menambah bahawa penghargaan sendiri adalah sebahagian daripada personaliti individu yang mempunyai unsur-unsur penilaian diri terhadap kebolehan dan sifat-sifat diri, hubungannya dengan orang lain serta persekitarannya, nilai dan kualiti yang berkait dengan pengalaman dan matlamat. Di samping merujuk kepada kesedaran kognitif dan efektif tentang imej mental dan spiritual yang melambangkan kepercayaannya tentang siapakah dirinya yang sebenar. Oleh itu, penghargaan sendiri merujuk kepada ‘memahami sesuatu

kualiti sesuatu objek iaitu baik atau buruk, bernilai atau tidak bernilai, hebat atau tidak hebat' (Thoits, 1999).

Tingkah laku bermasalah

Tingkah laku bermasalah pada dasarnya menggambarkan perbuatan salah, kerosakan akhlak dan kecuaiian dalam menjalankan kewajipan. Dalam konteks kajian ini, ia merujuk kepada salah laku yang menyimpang daripada nilai dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyenaraikan sebanyak 53 jenis perlakuan yang dianggap sebagai perlakuan yang bermasalah. Antaranya perlakuan jenayah (berjudi, mencuri dan mencabul kehormatan); perlakuan lucah (bercumbuan, berkhalwat dan membawa atau menyimpan bahan lucah; kekemasan diri (berambut panjang, berkuku panjang dan berpakaian tidak mengikut peraturan); perlakuan kurang sopan (kasar terhadap guru dan pengawas serta menghisap rokok); tingkah laku musnah (merosakkan harta benda sekolah); perlakuan ponteng (ponteng kelas dan sekolah) dan lain-lain.

Dalam konteks sekolah lazimnya terdapat tiga kategori kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar sekolah iaitu kesalahan ringan, sederhana dan berat (Badrulzaman,2006). Kesalahan ringan dapat dikelaskan seperti personaliti pelajar yang tidak kemas, datang lewat ke sekolah, keluar kelas tanpa membawa kad kebenaran, bermain dalam kelas, menggunakan peralatan sekolah tanpa kebenaran dan kesalahan yang bersabit dengan pengajaran dan pembelajaran (tidak membawa buku, tidak membuat kerja sekolah dan tidak memberi perhatian semasa guru mengajar). Manakala kesalahan sederhana seperti pelajar keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran, meniru semasa peperiksaan, ponteng acara rasmi sekolah, tidak menghormati lagu-lagu, bendera, jata sekolah, negeri dan kebangsaan, fesyen rambut yang keterlaluan seperti *punk/skinhead* atau berwarna serta menconteng harta benda sekolah. Kesalahan berat merujuk kepada pelajar yang terlibat dengan kegiatan dadah, menghisap atau membawa rokok, terlibat dengan minuman keras, melawan guru dan pengawas, vandalisme, bergaduh, peras ugut, membawa senjata berbahaya, membuli, merompak, terlibat dengan aktiviti perjudian, gengsterisme dan melakukan maksiat seperti berzina.

ALAT KAJIAN

Penyelidik menggunakan dua alat ukuran iaitu *Beck Codependence Assessment Scale (BCAS)* yang dibentuk oleh Beck (1991). Alat ukur ini yang mengandungi 35 item dengan skala Likert 5 pilihan jawapan bagi mengukur kebergantungan dan melihat tingkah laku penjaga. Alat ukur yang kedua adalah

Rosenberg Self-Esteem Scale (RSE) yang mengandungi 10 item dengan dan menggunakan skala Likert 4 pilihan jawapan. Sementara itu, RSE telah dibangunkan oleh Rosenberg (1983). Kedua-dua alat ukuran tersebut telah diterjemahkan kepada bahasa Malaysia untuk membolehkan dan memudahkan responden membaca dan memahami apa yang terkandung dalam borang soal selidik.

SUBJEK DAN TEMPAT KAJIAN

Subjek kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 494 orang (lelaki= 349 orang; perempuan=145 orang). Subjek terdiri daripada pelajar sekolah yang bermasalah. Kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah menengah kerajaan di Bahagian Pantai Timur Sabah iaitu bahagian Tawau, Lahad Datu, Sandakan, dan Semporna.

KEBOLEHPERCAYAAN ALAT KAJIAN

Codependence Assessment Scale (BCAS)

Satu ujian rintis (pilot test) telah dilaksanakan sebelum pengumpulan data yang sebenar dilakukan. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi BCAS adalah 0.675. Nilai ini menunjukkan bahawa alat kajian ini merupakan alat kajian yang mempunyai tahap kesahan yang sederhana baik dan boleh digunakan.

Rosenberg Self Esteem Scale

Hasil penilaian realibiliti Alpha Cronbach menunjukkan alat kajian Rosenberg Self Esteem Scale mempunyai tahap realibiliti yang tinggi iaitu pekali reliabiliti Alpha Cronbach = 0.728. Justeru, skala ini turut boleh digunakan dalam kajian sebenar.

KEPUTUSAN KAJIAN

Tahap Penghargaan Kendiri

Analisis deskriptif dalam Jadual 1 memberikan penemuan bahawa daripada 494 responden yang dikaji, sebanyak 30.6 peratus daripadanya mempunyai tahap penghargaan sendiri yang rendah. Manakala 69.2 peratus berada pada tahap yang sederhana dan hanya 0.2 peratus pada tahap tinggi.

Jadual 1: Tahap Penghargaan Kendiri Berdasarkan Keseluruhan Responden

Tahap penghargaan sendiri	Peratus		
	Sampel keseluruhan	Lelaki	Perempuan
Rendah	20.4	10.2	10.2
Sederhana	69.2	50.2	19.0
Tinggi	0.2	0	0.2
Jumlah	100.0	70.6	29.4

Seterusnya analisis berdasarkan gender mendapati responden lelaki tiada yang mendapat skor tahap penghargaan sendiri yang tinggi. Taburan yang sama secara relatif ditunjukkan antara lelaki dengan perempuan yang mana taburan mod pada tahap sederhana.

Pengaruh faktor situasi keluarga dengan penghargaan sendiri

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis regresi pelbagai yang menunjukkan bahawa daripada tiga sub skala bagi faktor situasi keluarga, hanya keprihatinan sosial dan konflik keluarga memberikan sumbangan yang signifikan ke atas penghargaan sendiri. Dalam pada itu, konflik keluarga menjelaskan 7.3 % varians terhadap penghargaan sendiri. Pemboleh ubah ini memberi sumbangan negatif ($\text{Beta} = -.269$; $t = 5.210$, $k < 0.05$) ke atas penghargaan sendiri. Sementara itu, sub skala bagi keprihatinan sosial menjelaskan 10.9 % varians dalam penghargaan sendiri dan memberi sumbangan yang positif ($\text{Beta} = .195$; $t = 3.747$, $k < 0.05$) ke atas penghargaan sendiri. Ini menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah ini adalah peramal yang signifikan ke atas penghargaan sendiri. Ini menjelaskan bahawa subjek yang mempunyai keluarga yang prihatin cenderung untuk mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi dan sebaliknya. Manakala kesan negatif pemboleh ubah konflik keluarga ke atas penghargaan sendiri menjelaskan semakin ketara lagi konflik keluarga yang berlaku dalam keluarga. Misalnya, semakin banyak faktor perselisihan dan ketidaksefahaman antara ahli keluarga maka semakin rendah penghargaan sendiri dan begitu juga sebaliknya.

Jadual 2: Analisis Regresi Pelbagai: Peramal Kepada Penghargaan Kendiri

Pembolehubah	R ²	Ralat Piawai B	β	t	Kesignifikan
Konflik Keluarga	.073	.021	-.269	5.210	.000
Keprihatinan sosial	.109	.029	.195	3.744	.000

Pengaruh setiap pemboleh ubah bagi faktor situasi keluarga terhadap penghargaan sendiri bagi lelaki dan perempuan

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis regresi pelbagai bagi sub skala konflik keluarga, keprihatinan sosial dan kawalan keluarga bagi subjek lelaki dan perempuan. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan dalam nilai Beta bagi setiap pemboleh ubah bagi lelaki dan perempuan. Sekali lagi didapati pemboleh ubah yang signifikan dalam meramal penghargaan sendiri bagi lelaki dan perempuan ialah konflik keluarga dan keprihatinan sosial. Penghargaan sendiri bagi subjek lelaki lebih dipengaruhi oleh pemboleh ubah keprihatinan sosial terhadap penghargaan sendiri. Perubahan satu nilai sisihan piawai bagi keprihatinan sosial akan menyebabkan perubahan 0.19 mata kepada penghargaan sendiri lelaki manakala ia membawa 0.15 mata kepada penghargaan sendiri bagi subjek perempuan. Manakala perbezaan bagi konflik keluarga tidak begitu ketara. Perubahan satu nilai sisihan piawai akan membawa perubahan sebanyak 0.20 mata bagi subjek lelaki dan 0.25 mata bagi subjek perempuan. Sementara itu, sub skala bagi kawalan keluarga pula didapati tidak signifikan bagi kedua-dua kes tersebut.

Jadual 3: Analisis Regresi Pengaruh Setiap Pemboleh Ubah Faktor Situasi Keluarga Terhadap Penghargaan Kendiri Bagi Lelaki Dan Perempuan

Pembolehubah	B	Ralat Piawai	β
Lelaki			
Konflik keluarga	-.013*	.035	-.020
Keprihatinan sosial	.110*	.029	.196
Kawalan keluarga	.126	.021	.317
Perempuan			
Konflik keluarga	-.054*	.065	-.025
Keprihatinan sosial	.100*	.055	.150
Kawalan keluarga	.053	.039	.116

* k<0.05

Keputusan bagi penghargaan sendiri berdasarkan pendapatan keluarga

Keputusan ANOVA satu hala dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara penghargaan sendiri berdasarkan pendapatan keluarga, di mana $F(6,487) = 2.94$, $k < 0.05$.

Jadual 4: Jadual Rumusan Anova Bagi Penghargaan Kendiri Berdasarkan Pendapatan Keluarga

Sumber	JKD	dK	MKD	F	Sig.
Antara kumpulan	170.02	6	28.34	2.94	.008
Dalam kumpulan	4702.33	487	9.66		
Jumlah	4872.35	493			

Seterusnya, keputusan kajian dianalisis dengan menggunakan Ujian Post-Hoc Turkey. Ini adalah bertujuan mengenal pasti perbezaan bagi penghargaan sendiri pelajar dengan pendapatan yang manakah menunjukkan perbezaan. Keputusan Post-Hoc Turkey ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Keputusan Ujian Post-Hoc Turkey Bagi Penghargaan Kendiri Berdasarkan Pendapatan Keluarga.

Purata (RM)	Pendapatan	1	2	3	4	5	6	7
22.32	1.Tiada pendapatan							
22.13	2.RM500 ke bawah							
21.85	3.RM 750							
22.19	4.RM 1250							
24.33	5.RM 1750		*	*	*			*
22.65	6.RM 2250							
22.28	7.RM 2501 ke atas							

Berdasarkan Jadual 5, keputusan ujian Post-Hoc menunjukkan bahawa perbezaan yang berlaku adalah pada tahap pendapatan keluarga yang ke 5 (RM 1750). Dapatan ini juga menunjukkan bahawa tahap pendapatan ini mempunyai purata (24.33) yang paling tinggi berbanding tahap pendapatan yang lain.

PERBINCANGAN

Tahap Penghargaan Kendiri berdasarkan keseluruhan responden

Secara keseluruhannya, satu per tiga (30.6%) responden mempunyai tahap penghargaan kendiri rendah, dan selebihnya (69.2%) pada tahap sederhana. Hanya seorang (2%) dilaporkan mempunyai tahap penghargaan kendiri yang tinggi. Oleh itu daripada hasil kajian didapati pada keseluruhannya tahap penghargaan kendiri di kalangan pelajar bermasalah adalah sederhana. Ini bermaksud pelajar tersebut masih belum menguasai sepenuhnya kebolehan menyesuaikan diri dengan persekitaran dan belum mempunyai keyakinan diri yang mantap. Sungguhpun ada antara mereka yang dapat mengadaptasi dengan persekitaran, namun mereka masih memerlukan bantuan daripada orang lain untuk membentuk penghargaan kendiri. Ini selari dengan kajian oleh Greenberger, Chen, Tally, & Dong (2000) yang mendapati individu yang mempunyai penilaian negatif atau pun rendah mengenai diri sendiri sering menghadapi kesukaran dan masalah di mana penghargaan kendiri yang rendah juga dikaitkan dengan kemurungan, penglibatan dengan rakan sebaya yang nakal dalam kalangan remaja, dan penglibatan dalam tingkah laku delinkuen itu sendiri. Manakala seseorang yang mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi ia sentiasa berfikiran positif dan yakin dengan kemampuan diri (Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif, 2005).

Hasil dapatan kajian ini sama dengan penemuan kajian Mohd Najib dan Salehudin (2007) yang mengkaji tahap konsep kendiri di kalangan pelajar tingkatan empat di sekitar Bandaraya Kuching. Mohd Najib dan Salehudin mendapati konsep kendiri pelajar berada pada tahap sederhana dengan nilai purata antara 2.88 hingga 3.40. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa dapatan kajian ini adalah konsisten dengan kajian lepas dan ini merupakan indikator yang membimbangkan. Namun demikian, para pelajar ini masih boleh dididik dan dibentuk ke arah kendiri yang lebih positif. Justeru itu, semua pihak yang terlibat dalam proses pembinaan konsep kendiri para pelajar perlu berganding bahu dan bekerjasama dengan lebih erat melalui pendekatan kaunseling bagi mengatasi masalah yang timbul supaya pemuda harapan bangsa dan pemudi tiang negara ini tidak terus terjebak dan terjerumus dalam kancas masalah sosial ke tahap yang lebih serius (Zainuddin Abu, Zuria Mahmud & Salleh Amat, 2008).

Pengaruh bagi faktor situasi keluarga dengan penghargaan kendiri

Analisis regresi yang dilakukan dalam kajian ini telah menunjukkan pengaruh yang positif dan signifikan bagi aspek keprihatinan sosial. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Scott-Jones (1991) dan Halpin et.al (1980), yang mendapati subjek lelaki didapati lebih dipengaruhi oleh aspek keprihatinan sosial berbanding dengan subjek perempuan. Ini selari dengan kajian oleh Kawash, Kerr dan Clewes (1985),

yang mendapati nilai r bagi kaitan antara penghargaan sendiri lelaki dan penglibatan ibu bapa (keprihatinan sosial) lebih tinggi berbanding subjek perempuan.

Bagi pemboleh ubah konflik keluarga menunjukkan pengaruh negatif yang signifikan ke atas penghargaan sendiri. Keputusan ini menjelaskan semakin ketara lagi konflik keluarga yang berlaku dalam sesebuah keluarga tersebut. Misalnya, semakin banyak faktor perselisihan dan ketidaksefahaman antara ahli keluarga maka semakin rendah penghargaan sendiri dan begitu juga sebaliknya. Ini selari dengan dapatan kajian oleh Zuraimy Ahmad (2008) mendapati konflik keluarga adalah dikaitkan dengan permasalahan keluarga di mana punca yang lazim dalam permasalahan keluarga ialah apabila berlaku konflik di dalam institusi sesebuah kekeluargaan. Oleh itu, menurut beliau konflik yang berlaku akan membentuk tingkah laku yang negatif di dalam keluarga dan mengundang banyak masalah keluarga seperti perceraian ibu bapa (kes paling tinggi), anak luar nikah, keganasan rumah tangga, keganasan personal penganiayaan dan penderaan kanak-kanak, konflik kewangan. Kesemua permasalahan ini akan mengakibatkan anak-anak mereka terabai dan tidak mustahil akan mendorong mereka melakukan perkara-perkara negatif berbanding dengan perkara positif. Semua ini akan menjadikan penghargaan sendiri mereka menjadi lemah. (Hung-Chin Lin, Tze-Chun Tang, Ju-Yu Yen, Chin-Hung Ko, Chi-Fen Hung, Shu-Chun Liu, Cheng-Fan Yenn, 2008). Selain itu, konflik keluarga juga boleh menjadi faktor penyebab ketidakstabilan emosi yang membawa kepada tingkah laku devian dan delinkuen. Emosi yang tidak stabil seperti marah, geram, tertekan dan dendam akan mendorong pelajar untuk melepaskan geram dengan melakukan pelbagai tingkah laku devian dan delinkuen, dengan tujuan melepaskan geram, tertekan dan dendam akan mendorong pelajar untuk melepaskan rasa tertekan (Azizi Yahaya et al., 2007). Konflik ini dikenal pasti sebagai satu faktor meletakkan anak-anak dalam keadaan emosional dan masalah tingkah laku (Barry et. al 2007). Ini akan menjejaskan perkembangan penghargaan sendiri dalam diri anak-anak remaja.

Bagi sub skala kawalan keluarga didapati tidak menyumbang kepada penghargaan sendiri pelajar. Walau bagaimana pun, kajian lalu ada menunjukkan bahawa aspek ketegasan (kawalan) didapati mempengaruhi penghargaan sendiri secara positif tetapi kajian ini adalah berdasarkan sampel kanak-kanak. Ini berkemungkinan pada peringkat awal dewasa, persepsi yang sama tidak lagi membawa pengaruh yang sama sebagaimana dapatan yang ditunjukkan dalam kajian ini. Kawalan tidak menyumbang kepada penghargaan sendiri mungkin disebabkan oleh ciri dan sifat awal dewasa yang inginkan kebebasan dan kepercayaan ibu bapa. Pertanyaan mengenai aktiviti dan perihal rakan mereka pada peringkat ini mungkin tidak lagi dilihat sebagai tindakan ibu bapa yang mengambil berat tentang diri mereka, tetapi sebaliknya sebagai tindakan yang menunjukkan

ketidakpercayaan terhadap anak mereka sendiri. Kaedah dan cara ibu bapa yang mengawal terutama dari segi ketegasan sangat mempengaruhi persepsi anak. Perkara ini dalam hubungan ibu bapa dengan anak-anak yang menyebabkan anak-anak berpandangan negatif terhadap aspek kawalan dan ketegasan daripada ibu bapa.

Keputusan perbezaan bagi penghargaan sendiri berdasarkan pendapatan keluarga

Penghargaan sendiri dilaporkan mempunyai perbezaan mengikut pendapatan keluarga yang diperoleh. Dapatan ini menunjukkan bahawa perolehan pendapatan keluarga menyumbang kepada penghargaan sendiri dalam kehidupan pelajar. Dalam kajian ini didapati subjek yang mempunyai latar belakang ekonomi keluarga yang tinggi mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk memiliki penghargaan sendiri yang baik. Subjek dari ibu bapa yang berpendapatan sederhana tinggi dalam kategori pendapatan iaitu RM 1750 menunjukkan penghargaan tinggi yang tinggi. Ini selaras dengan kajian yang melibatkan hubungan antara penghargaan sendiri dengan sosial kelas seperti status pekerjaan, pendapatan dan pendidikan. Kajian mendapati bahawa individu yang mempunyai pendapatan yang lebih dan pendidikan yang tinggi cenderung untuk memiliki penghargaan sendiri yang tinggi berbanding dengan mereka yang mempunyai pendapatan dan pendidikan yang kurang (Mirowsky & Ross, 1996). Ini disokong oleh Gecas & Seff, (1990) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa individu yang mempunyai status pekerjaan dan pendapatan serta pendidikan yang rendah berkecenderungan untuk mempunyai penghargaan sendiri yang rendah.

Dehart (2006) menjalankan kajian berkenaan dengan tahap penghargaan sendiri dengan hubungannya terhadap prospek ekonomi remaja. Hasil kajian menunjukkan remaja yang membesar dengan tahap penghargaan sendiri yang rendah mempunyai kecenderungan memiliki prospek ekonomi yang rendah semasa dewasa berbanding remaja yang mempunyai tahap penghargaan sendiri yang tinggi. Walau bagaimanapun, ekonomi keluarga yang tinggi juga kadang kala menyebabkan kualiti hidup remaja pelajar menurun sehinggakan mereka mudah terlibat dengan masalah sosial seperti lepak, gengsterisme, dan berjudi. Ini selaras dengan kajian oleh Ruzita Mohd Amin (2006) yang mendapati pendapatan keluarga yang tinggi mempunyai hubungan dengan masalah sosial pelajar yang mengakibatkan mereka terdedah kepada tingkah laku devian dan memberi kesan kepada penghargaan sendiri seseorang pelajar. Ini turut diakui oleh Raman (2002) di mana mengatakan keluarga yang terlalu mewah cara hidupnya juga menyebabkan keruntuhan disiplin pelajar. Sebagai contoh, ibu bapa yang terlalu memanjakan anak-anak kerap memberikan wang saku yang terlalu banyak menyebabkan mereka (anak-anak) mudah dipengaruhi oleh remaja lain yang suka bersuka-ria. Kesan

pergaulan bebas dan terpengaruh dengan rakan-rakan sebaya yang rosak akhlaknya menyebabkan pelajar mudah terjerumus dalam kancah permasalahan sosial atau terlibat dalam masalah disiplin.

Selain itu, kajian oleh Maccoby & Martin (1983), menyatakan salah satu faktor yang menyumbang kepada proses pendidikan anak-anak ialah perbezaan kelas sosial. Mengikutnya, faktor ekonomi merupakan elemen utama yang menyumbang kepada perkembangan konsep sendiri anak-anak. Keluarga miskin dikatakan sering berkonflik kerana ibu bapa menghadapi tekanan ekonomi yang membawa kepada tekanan hidup kerana serba kekurangan. Ibu bapa sebegini tidak mampu melayani ana-anak dengan baik. Akibatnya remaja memiliki penghargaan sendiri yang rendah dan mudah terjebak dengan pelbagai masalah sosial.

Ini menyebabkan banyak gejala sosial wujud di kalangan pelajar atau remaja sejak kebelakangan ini. Maka ia menunjukkan terdapat perkaitan yang melibatkan sosial-ekonomi keluarga di mana dikatakan pelajar atau remaja yang terlibat dengan aktiviti kurang sihat adalah datangnya dari keluarga yang miskin, atau pelajar atau remaja yang terlibat adalah terdiri daripada mereka yang datang dari keluarga tunggal. Namun begitu, Siti Fatimah (2009), tidak menyokong akan perkaitan tersebut kerana berpendapat tidak semua dapat menerima perkaitan tersebut kerana mengatakan ramai di antara kita dan orang-orang yang kita kenal, berasal dari keluarga miskin atau berasal dari keluarga tunggal, tetapi tidak terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat. Kenyataan ini disokong dengan penemuan kajian Mohd. Najib et al (2007) terhadap tahap konsep sendiri pelajar di Sekolah menengah di sekitar Bandaraya Kuching, Sarawak yang menunjukkan faktor pekerjaan bapa kurang memberi kesan terhadap proses pembentukan konsep sendiri pelajar. Beliau mengulas bahawa walaupun keperluan kebendaan penting dalam kehidupan seseorang pada hari ini tetapi apa yang lebih diperlukan oleh para remaja ialah perkara-perkara yang berkaitan emosi dan rohani seperti kasih sayang, penghormatan, bimbingan agama, penerimaan dan sokongan moral daripada orang-orang yang signifikan dalam kehidupan mereka. Anak remaja yang datang dari keluarga yang susah dikatakan akan lebih berdikari, kurang pergantungan kepada ibu bapa. Mereka ini menjadi lebih gigih, kuat berusaha dan lebih matang serta yakin diri seterusnya dapat meningkatkan lagi penghargaan sendiri dalam diri mereka.

RUMUSAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa dapatan kajian ini mendapati penghargaan sendiri di kalangan pelajar yang bermasalah adalah berada pada tahap sederhana iaitu 69.2%. Ini menunjukkan peranan kaunselor harus ditumpukan kepada pelajar yang bermasalah dengan lebih serius lagi supaya

mereka mempunyai peluang yang sama dengan pelajar lain. Berhubung dengan itu, antara langkah yang perlu diambil adalah dengan memberikan kaunseling kepada pelajar yang bermasalah dan mewujudkan program motivasi bagi membentuk dan memberi sokongan kepada mereka untuk lebih menghargai dan menerapkan nilai tanggungjawab terhadap diri sendiri bagi mempertingkatkan daya kesungguhan dalam mendepani segala rintangan di alam persekolahan yang mencabar. Dengan program seumpama ini akan menjadi pembuka jalan kepada mereka untuk mencari dan menterjemahkan identiti mereka sebagai pelajar yang perlu menuntut ilmu dan tidak terlibat dengan sebarang bentuk masalah sosial.

Di samping itu, ibu bapa juga perlu memainkan peranan penting selaku ibu bapa kerana pendidikan anak-anak bermula dari didikan ibu bapa di rumah. Berhubung dengan itu, keprihatinan terhadap gaya hidup dan pergaulan sosial anak-anak harus dijaga dan dikawal supaya mereka tidak mudah dipengaruhi dengan budaya songsang seperti merokok, gengster, melepak, ponteng sekolah, membuli, pergaduhan dan sebagainya. Ibu bapa adalah contoh terbaik yang pasti akan dituruti oleh anak-anak.

RUJUKAN

- Adriana J. 2004. Ethnic Identity And Self-Esteem: Examining The Role Of Social Context. *Journal of Adolescence*, 27, 139–146.
- Anderson, A. R., & Henry, C. S. 1994. Family System Characteristics And Parental Behaviors As Predictors Of Adolescent Substance Use. *Adolescence*, 29(114), 405–420.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif. 2005. *Membentuk Identiti Remaja*. Bentong, Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli & Yusof Boon. 2007. Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Bermasalah. <http://eprints.utm.my/2354/>
- Arbona & C., Power, T. 2003. Parental Attachment, Self-Esteem, And Antisocial Behavior Among African American, European American, & Mexican American Adolescence. *Journal of Counseling Psychology*, 40-51.
- Badruzaman Bin Baharom. 2006. Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja di Daerah Pontian Johor. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

- Barber, B. K., Olsen, E., & Shagle, S. C. 1994. Associations Between Parental Psychological Control And Behavioural Control And Youth Internalized And Externalized Behaviors. *Child Development*, 65, 1120–1136.
- Barber, B.K. 1996. Parental Psychological Control. Revisiting a neglect construct. *Child Development*, 67, 3296-3319 .
- Barry C. T. 2007. The Relations Among Narcissism, Self-Esteem, And Delinquency In A Sample Of At-Risk Adolescents. *Journal of Adolescence*, 30, 933–942.
- Battle, J. 1981. *Culture-Free Self-Esteem Inventories For Children And Adults*. Seattle: Special Child Publication.
- Beck, W.H. 1991. *Codependence Assessment Manual*. Chicago: Administrative Service.
- Bischof, G. P., Stith, S.M and Whitey, M. L. 1995. Family environment of adolescent sex offenders and other juvenile delinquents. *Adolescence*, 30 157 – 170.
- Bowlby, J. 1982. *Attachment and Loss*, 2nd edition. New York: Basic Books.
- Cohen, S., & Wills, T. A. 1985. Stress, Social Support, And The Buffering Hypothesis. *Psychological Bulletin*, 98, 310–357.
- Coopersmith, S.C. 1967. *The antecedents of self- esteem*. San Francisco : Freeman & Company.
- Cupach, W.R., Daniel, J.C., Sam Vuchinich & Susan, J.M. 2003. Conclit : An entry from Macmillan reference USA'S. *International Encyclopedia of Marriage & Family*, 15(2), 4670-4683.
- Cupach, W. R., & Spitzberg, B. H. 2002. *Obsessive relational intrusion: incidence, perceived severity, and coping*. In K.E. Davis, I. Hanson Frieze & R.D. Maiuro (Eds), *Stalking perspective on victims and perpetrators* (pp. 138-160). New York: Springer Publishing Company.
- Dehart T. R. 2006. What lies beneath: Parenting style and implicit self-esteem. *Journal of Experimental Social Psychology*, 42, 1–17

- Dishion, T.J., Patterson, G.R., Stoolmiller, M., dan Skinner, M.L. 1991. *Family, School and Behavioural Antecedents to Early Adolescent involvement with Antisocial Peers*. *Development Psychology*, 27(1), 172-180.
- Dryfoos, J. 1990. *Adolescent at risk: Prevalance and Prevention*. New York: Oxford University Press.
- Ee Ah Meng. 1999. *Psikologi pendidikan 1: psikologi perkembangan (semester 1)*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Academe Art & Printing Services Sdn. Bhd.
- Erikson, E.H. 1975. *Youth : Change and challenge*. New York :Basic Books Inc.
- Emery, R.E. 1982. *Interparental Conflict And The Children Of Discord And Divorce*. *Psychological Bulletin*, 92, 310-330.
- Fatanah Mohamed. 1997. *Kajian Terhadap Masalah Peribadi Pelajar-Pelajar Sekolah Berasrama Penuh Dan Tidak Berasrama Penuh Di Pengkalan Chepa*. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fulgini, A., & Eccles, J. S. 1993. *Perceived Parent-Child Relationships And Early Adolescents' Orientation Towards Peers*. *Developmental Psychology*, 29, 622-632.
- Gecas, V. & Schwalbe, W.L. 1986. *Parental Behavior And Adolescent Self-Esteem*. *Journal of Marriage and the Family*, 48 :37- 46.
- Gilbert, D. T., & Silvera, D. H. 1996. *Overhelping*. *Journal of Personality and Social Psychology*, 70, 678-690.
- Greenberger, E., Chen, C., Tally, S. R., & Dong, Q. 2000. *Family, Peer, And Individual Correlates Of Depressive. Symptomatology among us and chinese adolescents*. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 68(2), 209-219.
- Halpin, A., Glennelle, G., & Gerald, F. 1980. *The relationship of perceived behaviour to locus of control and self-esteem among America India and white children*. *Journal of Social Psychology*, (1), 189-195.
- Harter, S. 1990. *Causes, Correlates, And The Functional Role Of Global Self-Worth: A Lifespan Perspective*. In J. Kolligian, & R. Sternberg (Eds.), *Perception of competence and incompetence across the lifespan* (pp. 67-98). New Haven, CT: Yale University Press.

- Howes & P., & Markman, H. J. 1989. Marital Quality And Child Functioning: A longitudinal investigation. *Child Development*, 60, 1044-1051.
- Hung-Chin Lin, Tze-Chun Tang, Ju-Yu Yen, Chin-Hung Ko, Chi-Fen Hung, Shu-Chun Liu, Cheng-Fan Yenn. 2008. Depression and its association with self-esteem, family, peer and school factor in a population of 9586 adolescents in Southern Taiwan. *Psychiatry & Clinical Neurosciences*, 62, 412-420.
- Jacobvitz. D.B., dan Bush, N.F. 1996. *Reconstructions of Family Relationships: Parent-Child Alliances, Personal Distress, and Self Esteem*. *Developmental Psychology*, 32(4), 732-743.
- Kawash, F.G & Jones, W.1985. Self-esteem in children as a function of perceived parental behaviour. *The Journal of Psychology*, 119(3), 235-242.
- Laible, D. J., Carlo, G., & Raffaelli, M. 2000. The Differential Relations Of Parent And Peer Attachment To Adolescent Adjustment. *Journal of Youth and Adolescence*, 29(1), 45-59.
- Maccoby, E. E., & Martin, J. A.1983. Socialization in the context of the family: Parent-child interaction. In E. M.Hetherington (Ed.), *Handbook of child psychology: Vol. 4. Socialization, personality, and social development*, (4th ed) (pp. 1-101). New York: Wiley.
- Mahmood Nazar Mohamed. 1990. *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkahlaku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mirowsky, J., & Ross. C.E.1996. Economic and interpersonal rewards : Subjective utilities of men's and women's compensation. *Social Forces*, 75,223-245
- Mohd. Najib bin Abd. Ghaffar dan Hj Salehudin bin Hj Sabar. 2007. *Konsep Kendiri Pelajar:Kajian di Sekolah Menengah Sekitar Bandaraya Kuching, Sarawak*. Universiti Teknologi Malaysia dan Institut Perguruan Batu Lintang.
- O'Connor, T. G. 2002. Annotation: The 'Effects' Of Parenting Reconsidered: Findings, Challenges, And Applications. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 43(5), 555-572.
- Parker, G., Tupling, H., & Brown, L. B. 1979. A Parental Bonding Instrument. *British Journal of Medical Psychology*, 52, 1-10.

- Peiser N. C. & Heaven N. C. 1996. Family Influences On Self-Reported Delinquency Among High School Students. *Journal of Adolescence* , 19, 557–568
- Petersen, & J. Brooks Gunn (Eds.), *Encyclopedia of adolescence*, vol. 2 (pp. 746-758). New York: Garland.
- Rogers, C.R., 1961, On becoming a person, Houghton Mifflin, Boston
- Regoli, R.M. & Hewit, J.D. 1991. Delinquency in Society. 4th Edition. New York: McGraw
- Reitz E. 2006. Relations Between Parenting And Externalizing And Internalizing Problem Behaviour In Early Adolescence: Child Behaviour As Moderator And Predictor. *Journal of Adolescence*, 29, 419–436
- Robiah Hj. Dollah. 1993. Penilaian Psikometrik Inventori Penghargaan Kendiri. Tesis Tahun Kejurian Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia. 1993.
- Rosenberg, M. 1965. Society And The Adolescent Self-Image. New Jersey: Princeton University Press.
- Rosenberg, M. 1979. *Conceiving the self*. New York: Basic Books
- Rutter, M. 1985. Family and School Influence in Behavioural Development. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 26, 349-368.
- Ruzita Mohd. Amin. 2006. Values, Social Problems And Balanced Development in Malaysia. *The Journal of Socio-Economics*, 35, 151–163
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. 2000. Self-Determination Theory And The Facilitation Of Intrinsic Motivation, Social Development, And Wellbeing. *American Psychologist*, 55, 68–78.
- Scott-Jones, D. 1991. Families and academic achievement: Risks and resilience. In M. C. Wang, M. C. Reynolds, & Walberg, H. J. (Eds.), *Handbook of special education: Research and practice* (pp. 1-16). London: Pergamon Press.
- Sigurdsson, J.F dan dan Guerra, N.G. 1996. Cognitive Mediator Of Aggression In Adolescent Offenders. *Development psychology*. 24, 580-588.

- Siti Fatimah Binti Abdul Rahman.2009. Gejala Sosial Dan Keluarga. Institut Kefahaman IslamMalaysia(IKIM).http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=453&cmd=resetall
- Sokol-Katz, J., Dunham, R., & Zimmerman, R. 1997. *Family Structure Versus Parental attachment in controlling adolescent deviant behaviour: A social control model*. *Adolescent*, 32 (125), 199-215.
- Steinberg, L. 2001. We Know Some Things: Parent–Adolescent Relationships In Retrospect And Prospect. *Journal of Research on Adolescence*, 11, 1–19.
- Thoits, P. 1999. Self, identity, stress, and mental health. In C. S. Aneshensel, & J.C. Phelan (Eds.), *Handbook of the sociology of mental health* (pp. 345-368). New York: Kluwer Academic, Chapter 17.
- Trzesniewski K. H. 2006. Low Self-Esteem During Adolescence Predicts Poor Health, Criminal Behavior, and Limited Economic Prospects During Adulthood. *Developmental Psychology*. 42, 381–390.
- White, T. 2001. Is a happy teenager a healthy teenager ? Four level of adolescent and anger. *Transactional Analysis Journal*, 27(3), 192-196.
- Zainuddin Abu, Zuria Mahmud dan Salleh Amat. 2008. Pendekatan Kaunseling Menangani Masalah Kebebasan dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi: Dua Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan* 34 (2008) 107 – 123. Fakulti Pendidikan.
- Zuraimy Ahmad. 2008. Amalan serta peranan dan tanggungjawab kaunselor di sekolah- sekolah dalam menangani masalah kekeluargaan. Fakulti Pendidikan,Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor.

Profil Penulis

*Nurul Hudani Md. Nawi
Calon PhD Psikologi Sosial
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
nurul@ums.edu.my*

*Ma'rof Redzuan, PhD
Pensyarah Kanan
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
marof@putra.upm.edu.my*

*Hanina H. Hamsan, PhD
Pensyarah Kanan
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
hanina@putra.upm.edu.my/ hanina3282@gmail.com*